

SOALAN NO: 18

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN
JUSOH [SETIU]
TARIKH : 2 OGOS 2017
SOALAN : 18

YB Tuan Che Mohamad Zulkifly Bin Jusoh [Setiu] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan; sama ada Kementerian berhasrat untuk mengguna pakai teknologi seperti "*cyber knife*" yang dikatakan mampu membunuh sel kanser secara bersasar.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian telah menggunakan mesin radioterapi dipanggil '**linear accelerator**' yang mampu membunuh sel kanser secara sasar sama seperti keupayaan mesin "Cyberknife". Perkhidmatan radioterapi secara sasar ke ketumbuhan otak telah dimulakan di HKL semenjak 1999, manakala perkhidmatan radioterapi secara sasar ke ketumbuhan otak dan saraf tunjang telah dilaksanakan di Institut Kanser Negara, Putrajaya semenjak pembukaannya pada tahun 2013.

Mesin-mesin radioterapi di pusat kanser lain di Hospital Sultan Ismail di Johor Bahru, Hospital Umum Sarawak di Kuching dan Hospital Kanak-kanak dan Wanita Sabah di Likas juga berupaya untuk memberi perkhidmatan ini, namun masih dalam proses pembangunan teknologi dan latihan.

Selain berupaya memberi rawatan sasar, mesin radioterapi "linear accelerator" ini juga berupaya memberi rawatan radioterapi asas ke **kawasan rawatan yang besar**. Manakala rawatan menggunakan "Cyberknife" adalah terhad kepada ketumbuhan yang bersaiz kecil dan ia tidak berupaya memberikan rawatan radioterapi asas.